



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

MAKLUMAT AM

1. **Apakah waktu operasi syarikat Kredit Komuniti (KK) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) semasa tempoh PKP ini berlangsung?**

Bermula jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja dan tertakluk kepada SOP/makluman terkini daripada MKN dan Pihak Berkuasa Negeri.

2. **Bagaimanakah dengan kehadiran bekerja kakitangan syarikat KK dan PPG sepanjang tempoh PKP ini?**

Tidak melebihi 30% bagi kumpulan pengurusan.

3. **Adakah kaunter setempat bagi BKKK beroperasi sepanjang tempoh PKP ini?**

Ya. Kaunter setempat KPKT di Aras 1 akan beroperasi seperti berikut:

- **Isnin – Khamis : 8.00 pg - 1.00 tghri & 2.00 - 4.30 ptg**
- **Jumaat : 8.00 pg - 12.15 tghri & 2.45 - 4.30 ptg**
- **Sabtu, Ahad dan Cuti Umum : Tutup.**

4. **Adakah pemajak dan peminjam boleh melakukan pergerakan merentas daerah/negeri bagi kawasan yang dikenakan PKP bagi tujuan urusan niaga?**

Tidak boleh. Pemajak dan peminjam perlu mengurusniaga di premis KK dan PPG di daerah masing-masing yang dalam lingkungan 10km radius dan tertakluk kepada SOP dan makluman terkini daripada MKN.

5. **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya kakitangan atau pelanggan syarikat KK dan PPG disahkan positif COVID-19?**

Pihak Syarikat perlu memaklumkan segera kepada pihak KPKT dan merujuk kepada SOP MKN dan KKM bagi tindakan selanjutnya.

6. Adakah moratorium diberikan oleh pihak syarikat KK sepanjang tempoh PKP ini?

Syarikat KK **adalah disarankan** untuk memberi moratorium kepada peminjam dalam tempoh PKP ini bagi meringankan bebanan kewangan.

7. Adakah perlanjutan tempoh pajakan boleh diberikan akibat kegagalan pemajak hadir ke premis disebabkan oleh larangan merentas daerah yang dikenakan sepanjang tempoh PKP ini?

Mana-mana pemajak yang tidak boleh hadir ke premis PPG bagi melanjutkan tempoh pajakan atau penebusan barangan kerana faktor larangan merentas daerah/negeri, **pemajak boleh menghubungi PPG bagi persetujuan melanjutkan tempoh pajakan atau penebusan sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 19, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.**

URUSAN PELESENAN KK DAN PPG (PERMOHONAN LESEN BAHARU/PERMIT IKLAN BAHARU/PEMBAHARUAN LESEN/PEMBAHARUAN PERMIT IKLAN KK DAN PPG

8. Bagaimanakah kaedah untuk membuat permohonan lesen baharu KK dan PPG dan permit iklan baharu KK dan PPG sepanjang tempoh PKP ini berlangsung?

Permohonan boleh **dibuat secara manual** melalui serahan di kaunter aras 1, KPKT/ secara pos berdaftar/ emel kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my

9. Bagaimanakah kaedah untuk membuat pembaharuan lesen KK dan PPG dan pembaharuan permit iklan KK dan PPG sepanjang tempoh PKP ini berlangsung?

Permohonan boleh **dibuat secara manual** melalui serahan di kaunter aras 1, KPKT/ secara pos berdaftar/ emel kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my

10. Bagaimanakah untuk membuat semakan status permohonan?

Pemohon boleh menghubungi pegawai di Cawangan Pelesenan di talian berikut iaitu **03-8891 4694/ 4695** atau emelkan kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my

11. Bagaimanakah untuk mengetahui format papan tanda baharu papan tanda iklan yang terkini?

Format papan tanda iklan boleh didapati di laman sesawang KPKT seperti berikut:

- Layari <http://www.kpkt.gov.my/>
- *Hebahan*
- *Papan Iklan Kredit Komuniti*
- *[klik untuk muat turun]*
- *Save di desktop/ etc*
Cari AI File

12. Bagaimanakah untuk mengetahui maklumat dan informasi berhubung permohonan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (Kredit Komuniti)

Pemohon boleh mendapatkan maklumat tersebut dengan kaedah yang berikut:

- Layari <http://www.kpkt.gov.my/>
- Hebahan
- Klik sini – Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (Kredit Komuniti)
- Senarai Semak Permohonan Urusniaga Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian.
- Soalan Lazim (FAQ's) berkaitan Garis Panduan Berkaitan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian

Nota: Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh emelkan kepada mohdfadzil@kpkt.gov.my dan ziyadlim@kpkt.gov.my

13. Bagaimanakah untuk membuat bayaran pembaharuan lesen/ permit iklan sepanjang tempoh PKP ini?

Bayaran boleh dibuat melalui **bank draf** dan **serahan secara pos berdaftar** kepada alamat berikut:

***Pendaftar Pemberi Pinjam Wang/ Pemegang Pajak Gadai,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 22, Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, No.51, Persiaran Perdana, Presint
4, 62100 Putrajaya.***

14. Bagaimanakah kaedah untuk syarikat KK dan PPG membuat penghantaran Laporan Penyata transaksi PPW/PPG sepanjang tempoh PKP?

Syarikat boleh mengemukakan Laporan Penyata Transaksi tahunan ke emel berikut:

Syarikat KK: transaksippw@kpkt.gov.my

Syarikat PPG: transaksippg@kpkt.gov.my

Laporan tersebut perlu dikemukakan sebelum 1 Februari 2021.

URUSAN LELONGAN PAJAK GADAI

15. Adakah urusan lelongan pajak gadai boleh dilakukan bagi negeri/kawasan yang dikenakan PKP tersebut?

Tidak boleh. Tiada sesi lelongan boleh dibenarkan bagi negeri atau kawasan yang dikenakan PKP.